

# Filipina jangan' politikan tebusan: Mahathir

BH 14 JUN 2000

SUBANG, Selasa – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan sokongan ketua imigrasi Filipina, Rufus Rodriguez, terhadap tuntutan kumpulan penculik yang menahan 21 tebusan, termasuk sembilan rakyat Malaysia, sebagai soal dalaman politik negara itu.

Perdana Menteri berkata, desakan Rodriguez agar Kuala Lumpur menyiasat pencabulan hak asasi manusia ke atas 500,000 warga Filipina di Sabah, seperti yang dituntut penculik, hanya untuk kepentingan politik domestik mereka.

Mengenai kenyataan Rodriguez yang bercanggah dengan pendirian Manila, Dr Mahathir berkata, mungkin ada yang menyokong dan tidak menyokong desakan itu atau ada yang cuba mencari kesempatan.

“Dengan itu, kita akan dengar macam-macam dakwaan. Mungkin kita tak akan memberi pertimbangan kepada dakwaan yang dibuat secara tidak tentu arah,” katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di sini petang ini sekembalinya dari lawatan kerja seminggu ke Jepun.

Rodriguez dilaporkan berkata tuntutan kumpulan penculik itu munasabah kerana ramai pendatang tanpa izin Filipina yang masuk ke Sabah, sering diugut dan dipukul dalam tahanan oleh pihak berkuasa tempatan.

Berikutan itu, Duta Malaysia di Filipina, Mohamad Arshad Manzoor Hussain yang dihubungi **Berita Harian** semalam

LIHAT MUKA 3

## Pendatanga di Sabah isu lain: Syed Hamid

DARI MUKA BH 14 JUN 2000

mengecam Rodriguez kerana kenyataannya bercanggah dengan pendirian Manila yang sudah menolak tuntutan penculik itu.

Sumber diplomat berkata, Rodriguez sengaja mengeluarkan kenyataan berunsur ‘menentang Malaysia’ untuk mencari populariti bagi mencapai cita-citanya menjadi senator tahun depan.

Mengenai kemungkinan Malaysia mengemukakan cadangan baru dalam usaha membebaskan tebusan yang ditahan di Pulau Jolo sejak lebih 50 hari lalu, Dr Mahathir berkata, Malaysia sebenarnya tidak tahu apa sebenarnya dikehendaki oleh kumpulan penculik terbabit.

“Ada yang kata mereka (kumpulan penculik) nak dapat duit tetapi kita kuarir kerajaan Filipina mungkin tidak setuju kalau kita bagi duit. Jadi apa yang kita boleh buat?”

“Ini adalah perkara yang luar biasa seperti orang menghala senjata kepada kita dan meminta kita buat keputusan,” katanya.

Sebelum ini, penculik pernah menuntut wang tebusan AS\$1 juta (RM3.8 juta) bagi setiap tebusan yang diculik dari Pulau Sipadan, Sabah pada 23 April lalu.

Selain itu, penculik turut membuat beberapa tuntutan politik termasuk pembentukan Suruhanjaya Sabah untuk menyiasat dakwaan pencabulan hak asasi manusia terhadap warga Filipina di Sabah.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar yang ditemui selepas sidang akhbar Perdana Menteri pula berkata Malaysia berharap Filipina tidak mempolitikkan isu tebusan itu.

Sebaliknya, beliau meminta Filipina mengutamakan kepentingan dan keselamatan tebusan.

Sebelum itu, ketika ditemui di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di sini petang ini, Syed Hamid berkata, Malaysia mahu Filipina memberi tumpuan serius kepada usaha membebaskan tebusan daripada membangkitkan perkara yang tidak berkaitan.

Beliau berkata, sebarang perkara yang tidak berkaitan yang sengaja dibangkitkan, akan hanya melambatkan usaha membebaskan tebusan.

Sehubungan itu, beliau mahu pegawai di Filipina tidak membuat sebarang tuntutan bagi pihak sesiapa.

“Soal mereka (rakyat Filipina) yang berada di Malaysia (Sabah) adalah perkara yang berlainan. Jika mereka tidak senang berada di negara ini, mereka berhak balik ke negara asal mereka.”

“Yang penting sekarang ialah kita sedang berunding untuk mendapatkan pembebasan semua tebusan...jangan pula kita alihkan isu utama ini (pembebasan tebusan) dengan soal lain.”

“Mereka (pegawai Filipina) bertanggungjawab menjalankan rundingan supaya mereka yang diculik dibebaskan,” katanya yang akan berlepas ke Manila esok untuk mengadakan pertemuan dengan Presiden Filipina, Joseph Estrada bagi menyampaikan pandangan Malaysia berhubung kes penculikan itu.”

Syed Hamid berkata kebanyakan rakyat Filipina memasuki negara ini secara haram.

Beliau berkata, Malaysia tidak pernah mengusir warga Filipina di Sabah sebaliknya menyifatkan penghantaran pulang rakyat negara itu sebagai satu langkah kemanusiaan.

“Mereka (rakyat Filipina) yang berada di Malaysia (Sabah) bukannya kita jemput.”

“Mereka mempunyai pilihan untuk pulang...bukan ditahan atau disekat di Malaysia,” katanya.